

Swasta Jepun minat EAEC

Oleh Mohd Shah Abdullah dan Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR. Selesa— Sektor swasta di Jepun semakin menunjukkan minat terhadap penubuhan Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), khususnya apabila Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta) ditubuhkan, walaupun pendirian kerajaan negara itu masih negatif, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu sebab kerajaan Jepun menolak EAEC, tetapi memberi kemungkinan ia adalah sebuah negara yang mempunyai kekuatan ekonomi dan mempunyai hubungan dengan Amerika Syarikat.

Bagaimanapun, katanya, Jepun tidak ada pilihan lain jika Eropah dan Nafta menutup pintunya kecuali ia melihat kepada rantau Asia Timur.

Dr Mahathir berkata, beliau mengambil kesempatan melalui kunjungan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Jepun, Kozo Watanabe, pagi ini, untuk menjelas-

**SEMINAR
KEBANGSAAN
BANGSA-BANGSA
BERSATU MENGENAI
ALAM SEKITAR
DAN PEMBANGUNAN
(Unccd)**

kan maksud EAEC kerana Malaysia mahu semua pihak tidak salah faham mengenai tujuan penubuhan badan itu.

"Saya jelaskan (kepada Kozo) mengenai maksud EAEC kerana menteri itu khuatir bahawa dia mungkin salah faham melalui penjelasan yang dibuat oleh Amerika Syarikat dan negara lain.

"Kita tidak mahu ada sesiapa yang salah faham, itulah pandangan kita. Sekiranya ada mana-mana pihak yang salah faham, kita harus meluangkan masa untuk menjelaskan-

nya," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis penutup Seminar Kebangsaan mengenai Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (Unccd) serta pelancaran buku berjudul *Marine Heritage of Malaysia*, terbitan Petronas di Bank Negara, hari ini.

Dr Mahathir berkata, Malaysia menyifatkan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) sebagai badan penyelaras saja dan bukan sekretariat rasmi.

"Kita tidak mahu jadikan Apec sebagai badan rasmi. Itulah pandangan Malaysia," katanya.

Mengulas mengenai "industri kotor" di negara ini, Dr Mahathir berkata, ada beberapa kilang yang terbabit dengan industri seumpama itu yang menghasilkan sisa toksid.

"Industri terbabit jika tidak mendatangkan faedah, kita tidak akan membenarkan ia beroperasi di negara ini," katanya.